

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

1,696 pegawai perubatan tinggalkan sektor awam 2022

KKM kenal pasti tiga faktor tarik minat graduan perubatan kekal berkhidmat

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 1,696 pegawai perubatan meninggalkan sektor perkhidmatan awam pada 2022 dengan 54 peratus daripadanya selepas menerima tawaran untuk berkhidmat di sektor swasta atau badan berkanun. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata menerusi kajian dibuat, didapati 4.5 peratus atau 477 daripada jumlah keseluruhan pegawai perubatan yang meninggalkan sektor awam itu bekerja di luar negara.

Selebihnya, katanya 28 peratus lagi meninggalkan perkhidmatan awam disebabkan alasan peribadi, diikuti enam peratus menerima tawaran berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam, mengalami masalah kesihatan (3.5 peratus), melanjutkan pelajaran (2.7 peratus), membuka klinik sendiri (0.8 peratus) dan 0.5 peratus tidak menyatakan sebab alasan.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) mengenai punca pegawai perubatan berhenti daripada sektor awam ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Menjawab soalan lisan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) berhubung perancangan jangka pendek dan panjang KKM (Kemen-



Dr Dzulkefly pada sesi jawab di Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

terian Kesihatan) bagi menarik minat graduan perubatan untuk kekal berkhidmat dalam sektor kesihatan awam, beliau berkata, tiga faktor pentarik dikenal pasti untuk diberikan penekanan.

Mengulas lanjut, katanya, permulaan menetapkan gaji permulaan Pegawai Perubatan kontrak bergred UD41 dengan gaji permulaan RM5,197. Ia lebih tinggi daripada apa-apa pun skim perkhidmatan awam lain termasuk PTD (Pegawai Tadbir Diplomatik).

"Kita juga meningkatkan pelantikan tetap 9,822 calon antara 2019 hingga 2023. Kita akan meningkatkan kepada 6,000 pelantikan tetap dalam tempoh tahun ini hingga 2025. Selain itu, kita akan kekal membayar dan juga sedang meneliti elauan tugas atas panggilan atau *oncall* dalam lingkungan RM200 kepada RM220 bagi panggilan aktif (dan) bagi panggilan pasif pada RM80 hingga 130. Untuk pakar *oncall* pula dalam lingkungan RM230 hingga RM250 bagi panggilan aktif dan RM100 hingga RM160 untuk panggilan pasif."

"Seterusnya adalah elauan *loucum* yang mereka lakukan sele-

pas waktu pejabat di klinik dan hospital di ETD (Jabatan Keemasan dan Trauma), kita berikan RM80 sejam. Lebih kurang tiga, empat jam mereka kena bertugas," katanya.

Elaun insentif kritikal

Menyentuh ganjaran dan imbuhan, Dr Dzulkefly berkata, pegawai perubatan turut menerima elauan insentif kritikal RM750, elauan pembedahan RM80 sejam dan pakar pula dibayar RM200 sejam.

Katanya, bayaran insentif juga berbeza mengikut tahap kesusaahan dan keberadaan lokaliti tempat bertugas antara RM500 hingga RM1,500 bergantung kawasan pedalaman ataupun di mana mereka bertugas ketika itu.

Tambahnya lagi, sebagai satu insentif penawaran pengajian kepakaran perubatan untuk kemudahan cuti belajar bergaji penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) termasuk program latihan kepakaran *parallel pathway*, jumlah bayaran ditingkatkan bagi mereka yang ingin menyambung pengajian ke peringkat ijazah atau kepakaran lanjutan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

'Keistimewaan kakitangan awam di IJN perlu dikekalkan'

CUEPACS bimbang kebijakan penjawat awam, pesara dapatkan rawatan terbaik diabaikan

Kuala Lumpur: CUEPACS menggesa kerajaan mengekalkan keistimewaan sedia ada yang diterima penjawat awam semasa berkhidmat atau selepas persaraan khususnya berkaitan penerimaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Presiden, Datuk Dr Adnan Mat, berkata kesatuan itu bimbang dengan situasi semasa, terutama dalam hal melibatkan pesakit jantung dalam kalangan penjawat awam dan pesara.

Katanya, walaupun Kementerian Kesihatan (KKM) memberi maklum balas bahawa kes demikian melibatkan pesakit yang sudah stabil, CUEPACS berpandangan lebih wajar kerajaan tetrus membemarkan pesakit sedia ada di IJN kekal mendapatkan rawatan terbaik di situ.

"Lebih wajar kerajaan benarkan pesakit di IJN kekal mendapatkan rawatan terbaik di situ tanpa perlu mengeluarkan atau merujuk semula mereka ke hospital lain milik KKM.

"KKM sendiri memaklumkan mereka telah merujuk kes-kes

kompleks dan pesakit jantung kritisik ke IJN untuk mengurangkan 'kesesakan dan masa menunggu yang lama' di pusat jantung milik KKM," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Adnan berkata, tindakan mengeluarkan pesakit sedia ada di IJN hanya akan menyebabkan kesesakan dan masa menunggu yang lama di pusat jantung KKM yang sememangnya sudah mempunyai pesakit sedia ada.

"Langkah tersebut juga mengakibatkan pesakit yang dieluarkan daripada IJN terpaksa menunggu giliran lebih lama untuk dirawat memandangkan rekod semasa mereka di hospital lain masih baharu dan perlu memberi ruang kepada pesakit sedia ada.

"Sekiranya perkara ini terus berlaku pada masa hadapan, CUEPACS bimbang kebijakan penjawat awam dan pesara akan diabaikan terutama dalam mendapatkan rawatan terbaik apabila mereka tidak sihat," katanya.

Syor mekanisme lain

Adnan berkata, satu mekanisme atau pendekatan lain boleh diambil kerajaan sekiranya kos perbelanjaan yang menjadi punca utama permasalahan itu.

"Langkah penjimatatan tidak seharusnya dijadikan asas dalam

soal pemotongan perbelanjaan berkaitan penjagaan kesihatan kerana ia adalah keutamaan kerajaan untuk menjaga kebajikan penjawat awam dan pesara.

"Pemotongan kos untuk langkah penjimatatan harus disasarkan kepada program ad hoc lain yang tidak mempunyai keutamaan di semua peringkat kerajaan dan bukannya melibatkan perkara berkaitan keperluan asas rakyat," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata tindakan mengeluarkan pesakit yang stabil daripada IJN dibuat bagi membolehkan lebih ramai pesakit lain yang lebih kronik dirujuk dan mendapat rawatan di fasiliti berkenaan.

Katanya, KKM menggunakan pembayaran tahunan Persekutuan daripada Kementerian Kewangan bagi merujuk pesakit jantung ke IJN dan bagi memastikan lebih ramai pesakit lain dirujuk ke institut itu, pesakit sedia ada dibenarkan dicai apabila stabil sebelum dirujuk ke pusat jantung KKM yang lain.

Dr Dzulkefly berkata, KKM merujuk kes kompleks dan pesakit jantung kritisik ke IJN bagi mengurangkan kesesakan dan masa menunggu yang lama di pusat jantung KKM yang lain.

BERNAMA



Adnan Mat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : NASIONAL

Tuanku Zara lancar Program Vaksinasi HPV kanser serviks

Inisiatif kenal pasti wanita, remaja kurang mampu dapat suntikan di seluruh negara

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim semalam melancarkan Program Vaksinasi *Human Papilloma Virus (HPV) Leaving No One Behind* peringkat kebangsaan, inisiatif untuk mengenal pasti wanita kurang kelebihan dan kurang upaya yang masih belum dilindungi vaksin bagi membanteras kanser serviks.

Majlis anjuran Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM)

di Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun, di sini turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Aezer Zubin.

Pada pelancaran semalam, kira-kira 500 wanita dan remaja perempuan 13 hingga 20 tahun dari Parlimen Tambun menerima suntikan vaksin HPV percuma dalam inisiatif digerakkan di seluruh negara itu.

Program dijayakan dengan kerjasama rapat NCSM bersama ahli Parlimen, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan itu untuk mengenal pasti wanita dan remaja perempuan kurang kemampuan dan kurang upaya yang masih belum dilindungi vaksin HPV di setiap kawasan.

300,000 dos vaksin HPV

Inisiatif berkenaan membabitkan 300,000 dos vaksin HPV dengan nilai RM90 juta.

Dr Wan Azizah dalam sembah



Tuanku Zara diiringi Dr Wan Azizah berkenan menyaksikan remaja perempuan menerima suntikan vaksin HPV secara percuma di Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun, semalam. (Foto L Manimaran/ BH)

ucapan pada majlis itu, berkata usaha menotahkan kanser serviks dapat dijayakan melalui kesedaran awal, termasuk dengan memastikan tiada siapa terting-

gal dalam pengambilan vaksin HPV pada peringkat awal.

Menerusi program vaksinasi percuma kepada golongan kurang berkemampuan, katanya, jurang

benjagaan kanser dalam negara juga dapat ditingkatkan, khususnya dalam kalangan golongan berisiko yang kurang berkemampuan.

"Penting untuk kita tidak terlepas pandang, termasuk melalui kerjasama rapat dengan Ahli Parlimen dan semua industri, termasuk NGO dan swasta dalam usaha menotahkan kanser. Apatah lagi apabila saya difahamkan, ketika ini kos bagi satu dos vaksin HPV bernilai RM150," katanya.

Pada majlis sama, Tuanku Zara menyampaikan anugerah penghargaan kepada penaja dan NGO yang membantu menjayakan program itu, termasuk Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dianggotai 16 syarikat yang menyumbang RM3 juta.

Dr Wan Azizah berkata, sumbangan RM3 juta itu bertujuan menampung sebahagian kos pentadbiran sepanjang program vaksinasi berkenaan di seluruh negara yang memerlukan RM9 juta bagi memastikan kelancaran inisiatif berkenaan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL



NOTIS penutupan yang ditampal di premis berkenaan di Bandar Seri Alam, Masai.

12 premis diarah tutup

Pasir Puteh: Dua belas premis kotor babitkan kedai makan dan restoran di daerah ini diarahkan tutup selama 14 hari.

Ini berikutan premis mereka tidak mencapai tahap kebersihan diarahkan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) dan diarah tutup di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, penutupan premis makanan dibuat selepas Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan JKNK menjalankan Operasi Bersepadu Premis Bersih Siri 02/2024 di daerah ini, kelmarin.

Operasi membabitkan pemeriksaan 62 premis makanan di sekitar Bandar Pasir Puteh, sempadan Pasir Puteh-Terengganu, sekitar jalan-jalan utama Pasir Puteh sehingga sempadan Pasir Puteh-Kota Bharu yang menjadi tumpuan ramai.

"Antara notis dikeluarkan babitkan 89 notis Seksyen 32B, memerintahkan kehadiran di mahkamah dikeluarkan kepada pemilik premis atas pelbagai kesalahan melanggar peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya.

Restoran ditutup 14 hari

JKNJ dapati restoran kotor, pekerja tak ikuti kursus pengendalian makanan

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Darah tutup selama 14 hari selepas didapati beroperasi dalam keadaan kotor.

Ibu tindakan tegas diam-bil Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKN) terhadap pengurusan sebuah restoran makanan segera di Bandar Seri Alam, Masai di sini, yang diberikan notis perintah penutupan sele-

"Hasil pemeriksaan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru mendapat premis berkenaan dalam keadaan kotor dan tidak memuaskan.

"Selain itu, majoriti pekerja tidak dapat menunjukkan bukti sudah hadir Kursus Pengendali Makanan yang bersih dan selalu."

pas pekerjaanya turut dida-pati tidak menghadiri kursus pengendalian makanan.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr. Mohtar Pungut @ Ahmad berkata, tindakan notis penutupan itu dibuat selepas pihak JKN membuat pemeriksaan terhadap dan premis makanan itu pada 22 Februari la-

"Hasil pemeriksaan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru mendapat premis berkenaan dalam keadaan kotor dan tidak memuaskan.

"Selain itu, majoriti pekerja tidak dapat menunjukkan bukti sudah hadir Kursus Pengendali Makanan yang bersih dan selalu."

lamat.

"Ini menjadi antara punca kebersihan premis diabaikan dan kita sudah memberi arahan penutupan selama 14 hari bagi pihak pengusaha premis membuat kerja pembersihan segera dan semua pekerja juga diwajibkan hadir Kursus Pengendali Makanan," katanya semalam.

Terdahulu, tular di media sosial satu notis perintah penutupan terhadap restoran makanan segera dalam sebuah pasar raya di Bandar Seri Alam, Masai yang tertera tarikh penutupan bermula 22 Februari lalu hingga 7 Mac depan.

Pada masa sama, Dr. Mohtar berkata, JKN memberi amaran kepada semua pengusaha premis makanan supaya patuh kepada peraturan yang ditetapkan walaupun Akta Makanan 1983.

"Kegagalan mematuhi peraturan dan akta ini boleh dikenakan arahan penutupan premis dan denda sejajar dengan peruntukan di bawah Akta Makanan 1983," katanya.

"Premis kotor dan tidak memuaskan Dr. Mohtar Pungut @ Ahmad"

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL



TUANKU Zara berkenan bersama Dr Wan Azizah (dua dari kanan) menyaksikan remaja perempuan Chan menerima suntikan vaksin HPV secara percuma. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

500 wanita terima suntikan vaksin HPV

Ipoht: Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan merasmikan Majlis Pelancaran Program Vaksinasi HPV Leaving No One Behind Peringkat Kebangsaan di Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis itu isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; isteri Menteri Besar Perak, Datuk Seri Aezer Zubin; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Norhayati Rusli; dan Presiden Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Datuk Dr. Saunthari Somasundaram.

Program anjuran NCSM itu menyaksikan kira-kira 500 wanita dan remaja perempuan berusia 13 hingga 20 tahun menerima suntikan vaksin HPV secara percuma di kawasan parliment Tambun.

Program itu adalah

program vaksinasi HPV percuma yang dijalankan seluruh negara dan dijayakan oleh kerjasama rapat NCSM dengan Ahli Parlimen, agensi kerajaan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan.

Ia bagi mengenal pasti wanita dan remaja perempuan daripada kumpulan kurang kemampuan dan kurang upaya yang masih belum dilindungi oleh vaksin HPV di setiap kawasan Parlimen.

Inisiatif itu membabitkan pemberian sebanyak 300,000 dos vaksin HPV membabitkan nilai RM90 juta di seluruh negara.

Wan Azizah dalam sembah ucapan majlis itu berkata, usaha dalam menotahkan kanser serviks itu dalam dapat dijayakan melalui kesedaran awal termasuk dengan memastikan tiada siapa yang tertinggal dalam pengambilan vaksin HPV di peringkat awal.

RM20.26j naik taraf Hospital Kuala Kangsar

Ipoht: Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan berjumlah RM20.26 juta bagi kerja menaik taraf Jabatan Kecemasan Dan Trauma Hospital Kuala Kangsar.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri A Si-vanesan berkata, kerja pembinaan fizikal bermula pada 16 Ogos lalu dan dijangka siap pada 10 Februari 2026.

Beliau berkata, projek menaik taraf itu merangkumi keseluruhan kompo-

nen dan keperluan Jabatan Kecemasan dan Trauma berserta penambahan peralatan perubatan dan bukan perubatan keperluan jabatan berkenaan.

"Projek ini mampu menyelesaikan isu kesesakan di jabatan Kecemasan dan Trauma terbatit selain meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada penduduk," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam menjawab soalan Azizi Mohamed Ridzuwan (PN-Lubok Merbau). - Bernama

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

54 peratus doktor perubatan tinggalkan sektor awam

1,696 masuk swasta, kerja di luar negara

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR — Kira-kira 54 peratus daripada 1,696 pegawai perubatan yang meninggalkan Kementerian Kesihatan (KKM) kerana menerima tawaran berkhidmat di sektor swasta atau badan berkanan berdasarkan data pada 2022.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, daripada jumlah itu, seramai 477 daripada jumlah keseluruhan pegawai perubatan yang meninggalkan sektor awam kini berkhidmat di luar negara.

"Seterusnya 28 peratus adalah alasan peribadi, enam peratus pula meninggalkan perkhidmatan awam untuk berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam serta 2.7 peratus dengan faktor melanjutkan pengajian.

Terdapat 0.8 peratus pula membuka klinik sendiri, manaka-



la 0.5 peratus yang meninggalkan perkhidmatan awam itu tidak memberikan alasan," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan dikemukakan Fong Kui Lun (**PH-Bukit Bintang**) yang bertanyaikan punca pegawai perubatan berhenti daripada perkhidmatan kesihatan awam.

Sementara itu, Dr. Dzulkefly berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai usaha untuk mengekalkan penglibatan mere-

ka dalam sistem kesihatan awam.

Katanya, ini termasuk gaji permulaan pegawai kontrak gred UD41 sebanyak RM5,197, malah ia lebih tinggi berbanding skim perkhidmatan awam yang lain termasuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Mengulas lanjut, beliau minta semua pihak tidak membuat andaian berkenaan skim pencen penjawat awam dan seharusnya menunggu keputusan kajian Sistem Sarana Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang dilaksanakan.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Dr. Alias Razak (**PN-Kuala Neris**) berhubung perancangan jangka pendek dan panjang kementerian bagi menarik minat graduan perubatan untuk kekal berkhidmat dalam sektor kesihatan awam negara susulan kajian menghapuskan skim pencen penjawat awam.



KERAJAAN melaksanakan pelbagai usaha termasuk menawarkan gaji permulaan pegawai kontrak Gred UD41 sebanyak RM5,197. — GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NEGARA

Premis penjagaan bayi, wanita beroperasi secara haram di Klang dikompaun

Pusat rawatan ibu bersalin diserbu

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG — Kegiatan sebuah pusat rawatan ibu bersalin yang beroperasi secara haram di sebuah rumah semi-D tiga tingkat di Bandar Bukit Raja di sini terbongkar selepas serbuan pihak berkuasa, baru-baru ini.

Serbuan kira-kira pukul 12.45 tengah hari pada Isnin lalu dibuat sepasukan penguat kuasa Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

Pengarah Komunikasi Korporat MBDK, Norfiza Mahfiz berkata, operasi tersebut dilakukan hasil aduan orang ramai dan risikan pihaknya terhadap kewujudan sebuah pusat menjaga dan merawat ibu bersalin di kawasan kediaman tersebut.

Katanya, ketika serbuan dilakukan, premis itu sedang beroperasi dengan menjalankan aktiviti yang ditawarkan.

"Siasatan lanjut di lokasi mendapati premis itu beroperasi tanpa lesen perniagaan yang sah daripada MBDK.

"Selain itu, ia merupakan kediaman yang dijadikan premis perniagaan seterusnya me-



SALAH satu ruangan menjaga bayi yang terdapat dalam pusat rawatan dan penjagaan ibu bersalin di Bandar Bukit Raja, Klang.


nyebabkan kesesakan dan ketidakselesaan dalam kalangan penduduk setempat," katanya.

Difahamkan, semasa serbuan terdapat beberapa bayi yang sedang dirawat di lokasi tersebut dengan premis itu dipercayai telah beroperasi sejak beberapa bulan lalu.

Jelasnya, pusat rawatan itu

dikompaun di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Klang) 2013.

Tambah Norfiza, ini merupakan kesalahan serius kerana melibatkan bayi dan ibu yang melahirkan anak dan seterusnya, boleh mendatangkan risiko sekiranya berlaku kecualian.



PUSAT yang menawarkan khidmat penjagaan dan rawatan ibu bersalin secara haram didakwa beroperasi sejak beberapa bulan lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA



KEADAAN dapur sebuah premis di Pasir Puteh yang didapati kotor hingga dikhuitir boleh mengundang pencemaran makanan. — IHSAN JKNK

12 premis kotor kena tutup 14 hari

PASIR PUTEH — Penyimpanan bahan mentah yang tidak bertutup dan keadaan dapur yang tidak bersih antara kesalahan dilakukan 12 buah kedai makan di daerah ini yang diarah tutup selama 14 hari bermula kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Husin berkata, arahan itu dikeluarkan selepas JKNK memeriksa 62 buah premis makanan menerusi Operasi Berserpuadu Premis Bersih Siri 02/2024.

"Operasi dijalankan di premis-premis yang menjadi tumpuan orang ramai sekitar bandar Pasir Puteh, sempadan Pasir Puteh-Terengganu, jalan-jalan utama

Pasir Puteh hingga ke sempadan Pasir Puteh-Kota Bharu di sini.

"Sebanyak 12 premis didapati tidak mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan JKNK apabila keadaan dapur yang tidak bersih boleh mengundang pencemaran terhadap makanan dihasilkan.

"Premis-premis terbabit juga didapati menyimpan bahan mentah yang padat dan tidak bertutup boleh menjadai punca pencemaran silang selain suhu penyimpanan tidak mencapai standard ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, kesemua premis tersebut diarahkan ditutup selama 14 hari mengikut Seksyen 11

Akta Makanan 1983.

"Sebanyak 89 Notis Seksyen 32B Memerintahkan Kehadiran di Mahkamah dikeluarkan kepada pemilik premis dan pengendali makanan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

"Pemilik premis yang didapati tidak mematuhi elemen-elemen penting tahap kebersihan akan diberi bimbingan bagi meningkatkan tahap kebersihan premis.

"Sekiranya masih tidak mematuhi arahan tindakan pembetulan pada lawatan berikutnya, arahan penutupan premis akan dijalankan mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Hilang lebih separuh pegawai perubatan

Sebahagian daripada mereka tinggalkan sektor awam untuk bekerja di luar negara.

KUALA LUMPUR

Sebanyak 54 peratus daripada 100,696 pegawai perubatan meninggalkan sektor perkhidmatan awam pada tahun 2022 atas faktor menerima tawaran untuk berkhidmat di sektor swasta atau badan berkanun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, menerusi kajian yang dilanjutkan, didapati 45 peratus daripada jumlah itu bekerja di luar negara.

"Selain itu, 28 peratus (meninggalkan perkhidmatan awam) disebabkan alasan peribadi, menerima tawaran berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam (enam peratus), melanjutkan pelajaran (2.7 peratus), membuka klinik sendiri (0.8 peratus) dan 0.5 peratus tidak menyatakan sebarang alasan," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (**PH-Bukit Bintang**) yang ingin tahu punca pegawai perubatan berhenti daripada sektor awam pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Rabu.

Dr Dzulkefly berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan pegawai perubatan



Dr Dzulkefly ketika sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri ketika Persidangan Dewan Rakyat pada Rabu.

kekal bersama sektor awam, antaranya menetapkan gaji permulaan pegawai kontrak gred UD41 sebanyak RM5,197 iaitu jumlah yang jauh lebih tinggi berbanding skim perkhidmatan awam lain.

Selain itu, katanya, kerajaan meningkatkan 9,822 pegawai lantikan tetap dalam tempoh 2019 hingga 2023, dengan jumlah itu dijangka meningkat kepada 6,000 orang untuk 2024 hingga 2025.

Beliau berkata, kerajaan juga menyediakan insentif penawaran pengajian kepakaran menerusi kemudahan cuti belajar bergaji penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan dan Program Latihan Kepakaran.

Sementara itu, Dr Dzulkefly minta semua pihak untuk tidak membuat andaian berhubung skim pencen penjawat awam dan meninggu sehingga keputusan kajian Sistem Sarana Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang dilaksanakan pada masa ini diumumkan.

Beliau berkata demikian menjawab soalan asal Datuk Dr Alias Razak (**PN-Kuala Nerus**) mengenai perancangan jangka pendek dan panjang kementerian bagi menarik minat graduan perubatan untuk kekal berkhidmat dalam sektor kesihatan awam negara susulan kajian menghapuskan skim pencen penjawat awam. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Raja Norway jalani rawatan di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi

KUALA LUMPUR - Raja Norway, Raja Harald V kini sedang menjalani rawatan di Hospital Sultanah Maliha (HSM) di Langkawi selepas jatuh sakit semasa bercuti di Malaysia.

* Sumber mengesahkan baginda be-

rada di Wad Diraja hospital berkenaan. Terdahulu, Agensi Berita *Xinhua* memuat kenyataan dari pihak Istana Norway pada Selasa bahawa raja berusia 87 tahun itu telah dimasukkan ke hospital di Malaysia kerana mengalami jangkitan.

Menurut kenyataan itu, raja mendapat penjagaan yang baik daripada kakitangan perubatan Malaysia dan Norway.

Raja Harald V yang sedang dalam lawatan peribadi ke Malaysia dijadual menyambung semula tugas rasminya pada

8 Mac apabila baginda dijangka bertemu dengan anggota Kabinet di Istana Diraja di Oslo.

Dilahirkan pada 21 Feb 1937, Raja Harald V menaiki takhta Norway pada tahun 1991. - Bernama

Kekalkan keistimewaan penjawat awam terima rawatan di IJN

KUALA LUMPUR - Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa kerajaan agar mengekalkan keistimewaan diterima oleh penjawat awam dan pesara dalam hal melibatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat berkata, pihaknya bimbang dengan situasi semasa yang berlaku terutama melibatkan pesakit jantung dalam kalangan penjawat awam dan pesara yang dieluarkannya dari IJN.

Menurutnya, walaupun Kementerian Kesihatan (KKM) telah memberi maklum balas bahawa kes tersebut melibatkan pesakit yang sudah stabil, Cuepacs berpendangan adalah wajar kerajaan terus membenarkan pesakit sedia ada di IJN kekal mendapatkan rawatan tanpa perlu mengeluarkan atau merujuk semula ke hospital lain milik KKM.

"KKM memaklumkan mereka telah merujuk kes kompleks dan kritikal ke IJN untuk mengurangkan kesesakan dan masa menunggu yang lama di Pusat Jantung milik KKM," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan oleh portal *Code Blue* ditulis seorang pesara penjawat awam yang dihentikan rawatan selepas 25 tahun menerima rawatan rapi di IJN baru-baru ini.

Jelasnya, tindakan mengeluarkan pesakit sedia ada di IJN hanya akan menyebabkan kesesakan dan masa menunggu yang lama di Pusat Jantung KKM sedia ada.

"Langkah tersebut juga mengakibatkan pesakit yang dikeluarkan dari IJN terpaksa

menunggu giliran lebih lama untuk dirawat memandangkan rekod semasa mereka di hospital lain masih baharu dan perlu memberi ruang kepada pesakit sedia ada," katanya.

Adnan berkata, sekiranya perkara itu terus berlaku pada masa hadapan, pihaknya bimbang kebijakan penjawat awam dan pesara diabaikan terutama dalam mendapatkan rawatan.

Justeru, suatu mekanisme atau pendekatan lain boleh diambil oleh kerajaan sekiranya kos perbelanjaan menjadi punca utama permasalahan itu berlaku, katanya.

"Alasan penjimatatan tidak seharusnya dijadikan asas dalam soal pemotongan perbelanjaan berkaitan penjagaan kesihatan kerana ia adalah keutamaan kerajaan untuk menjaga kebijakan penjawat awam dan pesara.

"Pemotongan kos untuk langkah penjimatatan harus disasarkan kepada program *ad hoc* lain yang tidak mempunyai keutamaan di semua peringkat kerajaan dan bukananya melibatkan perkara berkaitan keperluan asas rakyat," katanya.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menjelaskan IJN dan KKM mempunyai hubungan kerja yang baik walaupun selepas pengkorporatan institut berkenaan.

"KKM membayar IJN untuk setiap pesakit yang dirujuk, menggunakan pembayaran tahanan persekutuan diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF).

"Bagi memastikan lebih ramai pesakit boleh dirujuk ke IJN, pesakit dibenarkan discay ke pusat jantung KKM yang lain apabila keadaan mereka stabil," katanya.



ADNAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NEGERI

12 kedai makan kotor diarah tutup

Tidak capai standard kebersihan ditetapkan JKNK

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Sebanyak 12 premis makanan di daerah Pasir Puteh diarah tutup selama 14 hari kerana tidak mencapai standard kebersihan yang ditetapkan mengikut Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) pada Selasa.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kesemua premis berkenaan tidak menepati kriteria semasa pihaknya menjalankan Operasi Bersepadu Premis Bersih Siri 02/2024 di daerah ini.

Menurutnya, seramai 74 kakitangan JKNK telah memeriksa 62 premis makanan yang terletak di sekitar bandar Pasir Puteh, sempadan Pasir Puteh-Kota Bharu pada Selasa.



DR ZAINI

sempadan Pasir Puteh-Kota Bharu pada Selasa.

"Penutupan kesemua premis berkenaan dilakukan mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.


"Pemilik premis makanan yang tidak mematuhi perintah penutupan adalah melakukannya suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya," kata beliau dalam satu kenyataan akhbar pada Rabu.

Dr Zaini berkata, sebanyak 89 Notis Seksyen 32B Memerintahkan Kehadiran di Mahkamah juga dikeluarkan oleh JKNK kepada pemilik premis dan pengendali makanan di atas pelbagai kesalahan kerana melanggar Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

"Sebanyak lima Notis 32B yang dikeluarkan ialah bagi kesalahan dibawah Peraturan 8, iaitu tidak mempermerken Perakuan Pendaftaran di premis makanan, dua notis di bawah



Seorang kakitangan JKNK melakukan pemeriksaan di bahagian dapur salah satu premis makanan di Kota Bharu pada Selasa.



Seorang kakitangan JKNK menampal notis penutupan di premis makanan yang kotor di Kota Bharu pada Selasa.

Peraturan 11 iaitu tidak mematuhi kehendak yang berhubungan dengan tugas am tuan punya, pemilik atau penghuni premis makanan.

"Sejumlah 61 notis kesalahan pula dikeluarkan mengikut Peraturan 32 berkaitan dengan pakaian pengendali makanan, 12 notis berhubungan dengan kebersihan pengendali makanan dan lima notis bagi kesalahan sentiasa dipertingkatkan.

notis-notis bagi kesalahan-kesalahan lain," tambahnya.

Tambah beliau, jabatan itu sentiasa peka, mengambil berat isu berkaitan keselamatan dan kualiti makanan di Kelantan selain komited memastikan tahap kebersihan premis makanan sentiasa terbaik serta makanan disediakan selamat untuk dimakan.

"JKNK bertindak bagi memastikan tahap kebersihan dan keselamatan makanan sentiasa dipertingkatkan.

"Saya menegaskan bahwa

adalah menjadi tanggungjawab pemilik dan pengendali makanan untuk memastikan premis mereka bersih pada setiap masa.

"Pemilik yang didapati tidak mematuhi elemen penting kebersihan akan diberi bimbingan untuk mengambil tindakan pembetulan bagi meningkatkan tahap kebersihan dan jika masih tidak mematuhi arahan tindakan pembetulan, arahan penutupan premis akan di buat mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

1,696 doktor kerajaan 'cabut'

Oleh MOHD. FADHLI MOHD SULAIMAN dan AHMAD FADHLULLAH ADNAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seramai 1,696 pegawai perubatan meninggalkan Kementerian Kesihatan (KKM) pada 2022, yang mendorong kerajaan memikirkan pelbagai inisiatif sebelum lebih ramai berbuat demikian pada

54 peratus sertai sektor swasta, badan berkanun tahun 2022

masa hadapan.

Menyatakan itu, Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, sebanyak 54 peratus doktor dari-

pada jumlah tersebut meninggalkan KKM kerana menerima tawaran berkhidmat di sektor swasta atau badan berkanun.

Katanya, didapati 4.5 peratus atau seramai 77 daripada jumlah keseluruhan pegawai perubatan yang meninggalkan sektor awam kini bekerja di luar negara.

"Selain itu, 28 peratus meninggalkan perkhidmatan awam disebabkan alasan periba-

di, menerima tawaran berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam (enam peratus), melanjutkan pelajaran (2.7 peratus), membuka klinik sendiri (0.8 peratus) dan 0.5 peratus tidak menyatakan sebarang alasan," katanya semasa sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

1,696 doktor kerajaan 'cabut'

Dari muka 1

Beliau menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) berhubung punca pegawai perubatan berhenti daripada sektor awam.

Sehubungan itu, Dzulkifly berkata, disebabkan ramai doktor meninggalkan KKM, kerajaan melaksana pelbagai inisiatif untuk memastikan pegawai perubatan kekal bersama sektor awam.

Jelasnya, kerajaan menetapkan gaji permulaan pegawai kontrak gred UD41 sebanyak RM5,197, iaitu jumlah jauh lebih tinggi berbanding skim perkhidmatan awam lain termasuk pegawai tadbir dan diplomatik (PTD).

Selain itu, katanya, kerajaan meningkatkan jumlah 9,822 pegawai lantikan tetap dalam tempoh 2019 hingga 2023 dengan pertambahan sebanyak 6,000 orang lagi untuk 2024 hingga 2025.

Katanya, kerajaan juga menyediakan insentif penawaran pengajian kapakaran menerusi kemudahan cuti belajar bergaji penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Program Latihan Kepakaran.

"Kerajaan akan kekal membayar dan sedang meneliti eluan tugas atas panggilan dalam lingkungan RM200 kepada RM220 bagi panggilan aktif dan bagi panggilan pasif pada RM80 hingga 130.

"Untuk pakar bertugas atas panggilan pula dalam lingkungan RM230 hingga RM250 bagi panggilan aktif dan RM100 hingga RM160 untuk panggilan pasif.

"Seterusnya adalah eluan *locum* yang mereka lakukan selepas waktu pejabat di klinik dan hospital di ETD (Jabatan Kecemasan dan Trauma), kita beri RM80 sejam. Lebih kurang tiga, empat jam mereka kena bertugas," katanya.

Selain itu, menyentuh ganjaran dan imbuhan, beliau



KERAJAAN melaksana pelbagai insentif bagi memastikan pegawai perubatan kekal bersama sektor awam. - GAMBAR HIASAN

berkata, pegawai perubatan turut menerima eluan insentif kritis RM750, eluan pembedahan RM80 sejam dan pakar pula dibayar RM200 sejam.

"Bayaran insentif juga berbeza mengikut tahap kesusaahan dan keberadaan lokaliti tempat bertugas antara RM500 hingga RM1,500 bergantung kawasan pedalaman ataupun di mana mereka bertugas ketika itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau meminta semua pihak untuk tidak membuat andaian berhubung skim pencen penjawat awam dan menunggu sehingga keputusan kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang dilaksana pada masa ini diumum.

Beliau menjawab soalan asal Datuk Dr. Alias Razak (PN-Kuala Nerus) mengenai perancangan jangka pendek dan panjang kerajaan bagi menarik minat graduan perubatan untuk kekal berkhidmat dalam sektor kesihatan awam negara susulan ka-

jian menghapuskan skim pencen penjawat awam.

Dalam pada itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mencadangkan kerajaan menggunakan sistem yang sama dengan Peraturan Waktu Kerja Eropah (EWTD) untuk mengelakkan keletihan dalam kalangan doktor.

Presidennya, Dr. Azizan Abdul Aziz berkata, purata minggu bekerja EWTD adalah 48 jam manakala doktor di Australia biasanya bekerja antara 35 hingga 38 jam seminggu.

Namun, katanya, doktor dalam sistem penjagaan kesihatan awam Malaysia yang aktif melakukan tugas atas panggilan atau *on call* bekerja secara purata antara 60 hingga 84 jam seminggu.

"Untuk mengurangkan keletihan, MMA mencadangkan agar kerajaan menggunakan pakai sistem syif untuk semua doktor yang melakukan panggilan aktif dalam penjagaan kesihatan awam," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS/NATION

'1,696 MOs LEFT GOVT SERVICE IN 2022'

54pc of these medical officers joined private sector, statutory bodies, says health minister

KUALA LUMPUR

FIIFTY-FOUR per cent of the 1,696 medical officers who left the public service sector in 2022 joined the private sector and statutory bodies, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yesterday said a survey by the ministry showed that 4.5 per cent of the doctors who left the public service that year went to work abroad.

He said 28 per cent of medical officers left government hospitals for personal reasons, while six per cent joined public higher education institutions due to "slightly" better remuneration.

"A total of 2.7 per cent left the service to further their studies."

"Contrary to common perception, only 0.8 per cent of medical officers left to set up their own clinics, while the other 0.5 per cent did not state any reasons."

Dr Dzulkefly was responding to a supplementary question from Fong Kui Lun (Pakatan Harapan-Bukit Bintang), who had asked the ministry for details on the number of medical officers who left government hospitals to join the private sector.

Dr Dzulkefly said the government had implemented initiatives to ensure medical officers stayed in the public sector, including setting the starting salary for contract officers Grade UD41 at RM5,197, a higher amount than other public service schemes.

He said the government had also appointed 9,822 medical officers to permanent posts between 2019 and 2023, with another 6,000 appointments to be made in 2024 and 2025.

He said the government provided incentives for specialised studies through fully paid study leave with federal training allowance and the skills training



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad says the government has implemented initiatives to ensure medical officers stay in the public sector. BERNAMA PIC



Dr Azizan Abdul Aziz

programme.

He said the ministry was strengthening its public-private collaboration to reduce the impact of medical personnel leaving government hospitals for other sectors.

Malaysian Medical Association (MMA) president Dr Azizan Abdul Aziz urged the government to address burnout among medical personnel in the public healthcare sector or face the risk of them leaving.

She said the government should switch to a shift system for doctors in public healthcare, similar to the European Working Time Directive to prevent burnout and brain drain among doctors.

"The MMA is proposing that the government adopt a shift system for doctors doing on-calls in public healthcare: three shifts per day while introducing a flexi-allowance for MOs, specialists

and subspecialists.

"In the public healthcare system, housemen work on a shift system until they complete their training.

"Medical officers and specialists work on an on-call system where those put on active on-call work their normal working hours from 8am to 5pm and then begin their on-call hours from 5pm to 8am the next day.

"This is then followed by normal working hours from 8am to 5pm – 33 hours straight.

"Regularly, due to the heavy workload, MOs and specialists work beyond their on-call hours, and only certain departments permit post-on-call time off in the afternoons at the discretion of unit heads."

These long hours, said Dr Azizan, must not continue.

She said burnout among healthcare workers increased the risk of medical errors.

She added that if the status quo remained, more public healthcare doctors would leave to either private healthcare or to pursue opportunities abroad.

On a related matter, Dr Dzulkefly said people should not have any premature perception of the impact of the review of the pension scheme on future enrolment.

"A study is being conducted. Let us wait for its outcome," he said when replying to a question from Datuk Dr Alias Razak (Perikatan Nasional-Kuala Nerus).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LIFE & TIMES

DENGUE cases in just the first five weeks of this year stood at 18,247, up by 65.6 per cent compared with the same period in 2023, according to data compiled by the Health Ministry.

The Klang Valley showed a significant surge in cases with a 72.8 per cent increase in Kuala Lumpur and 69.9 per cent increase in Selangor.

As much as prevention is necessary in terms of destroying mosquito breeding sites, dengue also calls for early detection.

Dismissing the disease's early symptoms can lead to rapid deterioration and even death.

Among the warning signs are abdominal pain, persistent vomiting and diarrhoea (over three times a day), drowsiness, difficulty breathing, spontaneous bleeding from the gums or nose and black-coloured stools.

Other primary symptoms of dengue fever are headache, generalised body aches, rashes and pain behind the eye.

Though these symptoms might resemble common illnesses like the flu, dengue fever is often accompanied by more severe muscle and joint pain and can progress to severe complications like dengue haemorrhagic fever (DHF) or dengue shock syndrome (DSS), explains Sunway

Don't defer dengue treatment

Medical Centre emergency physician Dr Aaron Lai Kuo Hua.

Early detection facilitates prompt treatment and mitigates the risk of further complications, he adds.

"DHF and DSS are characterised by severe internal bleeding, low platelet counts, plasma leakage, and organ impairment."

The typical diagnostic process for dengue fever involves a combination of clinical assessment and



Sunway Medical Centre emergency physician Dr Aaron Lai Kuo Hua says early detection facilitates prompt treatment and mitigates the risk of further complications.

laboratory tests. The doctor would initially assess the patient's symptoms commonly associated with dengue fever and whether the patient is staying in dengue-endemic areas or recently travelled to dengue outbreak regions.

Additionally, the doctor would examine the patient's haemodynamic status and check for signs of bleeding complications of dengue.

As clinical diagnosis of dengue lacks specificity, a definitive diagnosis requires laboratory confirmation.

"Through clinical assessment and laboratory testing, the doctor can ascertain the likelihood of dengue infection, the phase of infection and severity of the illness," explains Dr Lai.

STAGES OF DENGUE

The Febrile Phase comprises fever that lasts three to five days where the patient experiences fever, joint pain, muscle pain, headache and other symptoms.

The first notable change in the complete blood count is a progressive decrease in total white cell count,



It's crucial to keep mosquitoes at bay. PICTURE CREDIT: JCOMP — FREEPIK.

which is then followed by a reduction in platelet levels.

Dr Lai says subsequently, the patient may enter the Critical Phase which could last between 48 and 72 hours.

During this stage, the patient may experience varying circulatory disturbances. In severe cases, the patient will exhibit serious complications such as internal bleeding, water retention in the lungs or stomach, low blood pressure or kidney and liver failure, and may even die.

Following the Critical Stage, the patient will go through the Recovery Phase where dengue symptoms dissipate while blood platelets and white blood cells return to normal count.

"It's paramount that patients infected with dengue be referred to healthcare facilities for accurate diagnosis and right treatment."

Dr Lai adds that climate factors such as temperature and rainfall pat-

terns play a significant role in the transmission dynamics of dengue in Malaysia.

Warmer temperatures and increased rainfall create favourable conditions for mosquito breeding and viral replication, leading to higher transmission rates.

As for mitigation measures, especially for those living in high risk areas, he recommends the use of mosquito repellents containing diethyltoluamide (DEET), sleeping under mosquito nets or putting up mosquito screens at doors and windows.

"Eliminating stagnant water sources is also crucial as these could turn into mosquito breeding grounds."

Wearing long-sleeved clothing to prevent mosquito bites and maintaining general cleanliness in our living environment also helps.

meera@NST.com.my



The Febrile Phase comprises fever that lasts three to five days where the patient experiences fever, joint pain, muscle pain, headache and other symptoms. PICTURE CREDIT: JCOMP — FREEPIK.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NATION

Free HPV vaccines well received

Teen girls in Perak say they're relieved to get protection against cervical cancer

IPOH: A 19-year-old college student from Kampar made an early morning trip to get herself vaccinated against cervical cancer.

Lucy Xian said she knew about the human papillomavirus (HPV) vaccination programme at Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun from social media.

"I decided to take a bus to the community hall at 6.30am to get myself the life-saving jab."

"I was surprised to see there were already dozens of teenagers at the hall, waiting in line to get vaccinated," she said when met yesterday.

Xian said she was willing to go the extra mile to attend the programme after knowing there were vaccines being made free to prevent the disease.

"As a student, I read about cervical cancer and I just want to prevent myself from being diagnosed with the disease," she said.

Xian hopes that more adolescent girls are given the opportunity to get the HPV vaccination.

"I am thankful for this programme to be held in Tambun," she said.

Another recipient, Jamilah Husin, 18, from Kampung Paloh here, said she wanted to get vaccinated after her relative was diagnosed with cervical cancer a few months ago.

"I never knew about cervical cancer until one of my relatives is enduring hardship due to the disease."



Saving lives: Tuanku Zara (third from left) posing for pictures alongside Dr Wan Azizah (third from right) and others at the launch of the vaccination programme at Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun.

"I told my elder brother to drive me here so that I can receive the jab," she said.

The vaccination programme, organised by National Cancer Society of Malaysia (NCSM), was graced by Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim and was also attended by the Prime Minister's

wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and Perak Mentri Besar's wife Datin Seri Aezer Zubin.

Prime Minister's senior political secretary Datuk Seri Shamsul Iskandar Md Akin, NCSM president Datuk Dr S. Saunthari, NCSM managing director Assoc Prof Dr

M. Murallitharan, Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) chief executive officer Mark O'Dell and Edra Power Holdings Sdn Bhd vice-chairman Datuk Wira Mark Ling were also present.

LIAM, consisting of 16 member companies, collectively contribut-

ed RM3mil towards the programme.

Dr Wan Azizah, in her speech, said cervical cancer could be a significant burden for any woman and the HPV vaccination could prevent them from being diagnosed with such a complicated disease.

She said it was important to spread awareness on this condition among the public.

"Prevention is better than cure. The HPV vaccine plays a huge role in preventing cervical cancer."

"When we say prevention, we want all our young children, our daughters, to be protected from cervical cancer," she said.

Meanwhile, Dr Murallitharan said the programme was to provide opportunity to young women and teenagers to get inoculated.

He said cervical cancer is the third most common cancer affecting women, with about 40% of cervical cancer cases being diagnosed late – at Stages Three and Four.

"For those diagnosed at these later stages, their five-year survival rate is as low as 23% to 32%."

"Low awareness of cervical cancer and challenges in obtaining screening and HPV vaccination contribute to these percentages," he said.

At the event, Tuanku Zara also presented appreciation awards to sponsors and NGOs that contributed to the success of the programme.